

DAP sengaja gunakan isu BMF untuk memancing undi — Musa

SEREMBAN, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam kesal dengan sikap DAP yang menggunakan isu Bumiputera Malaysia Finance (BMF), yang membabitkan skandal pinjaman beribu-ribu juta ringgit untuk mengumpun undi.

Beliau berkata, parti pembangkang hanya menggunakan isu BMF itu untuk mengumpun undi dalam pilihanraya kecil kawasan parlimen Seremban.

"Biarlah kerajaan menentukan pihak yang bersalah," jelas Datuk Musa kepada pemberita selepas berucap kepada kira-kira 5,000 rakvat Serem-

ban di Dewan Rekreasi Seremban, di sini hari ini.

Kerajaan, katanya tidak mempunyai sifat "menghitamkan nama" orang yang bersalah atau tidak sebelum disiasat.

Fitnah

Pentadbiran sebuah kerajaan Barisan Nasional, kata Datuk Musa tidak sama dengan DAP, kerana parti pembangkang lebih suka mencari-carikkan apa yang sedang berlaku untuk mendapat sokongan dan simpati orang ramai khususnya pengundi.

Menurut Datuk Musa, DAP pandai mencari kesalahan orang lain dan menyebarkan fitnah

mengenai pentadbiran kerajaan, tetapi tidak pandai menutup keyakinan diri-sendiri.

Sebelum itu, ketibaan Datuk Musa disambut oleh Pemimpin-pemimpin MCA, MIC, Gerakan dan Umno di Negeri Sembilan.

Tepukan gemuruh sebanyak tiga kali diberikan kepada Datuk Musa sebaik sahaja Datuk Musa sampai di perkarangan Dewan Rekreasi Seremban.

Tepukan bersemangat juga diberikan bila beliau menyampaikan ucapan yang penuh bersemangat kepada penyokong-penyokong Barisan Nasional yang berhimpun di dewan itu sejak jam 2 petang.